

Apakah Itu Berputus Asa?

Perhatikan pernyataan hadis itu. “*Sekiranya tidak, nescaya Aku penuhkan tangan kamu dengan kesibukan dan tidak Aku penuhkan keperluanmu.*” Mari kita fikirkan. Jangan terlalu jauh, fikirkan urusan kerja sahaja. Gaji kita besar, tetapi mengapa keperluan kita seakan-akan tidak pernah cukup?

Mungkin ini penyebabnya; **ibadah kita kurang.**

“*Eh, tidaklah! Saya selalu solat, suka bersedekah.*”

Nanti dahulu. Saya belum selesai membicarakan maksud “**kurang**” itu. Hadis itu mengatakan, “*Beribadahlah sepenuhnya kepada Aku.*” Jadi, adakah sudah sepenuhnya kita beribadah? Sudahkah disyukuri gaji yang kita dapat, ataupun masih sering mengeluh? Cuba semak lagi. Barangkali kita hanya menjalankan yang wajib, bahkan itu pun kadang-kadang dengan sengaja ditunda demi kepentingan dunia.

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka), sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka), Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul.”

(Surah Al-Baqarah, ayat 186)

Pernah dengar kata-kata ini? “*Apabila kamu menanam padi, rumput juga akan ikut tumbuh. Namun, apabila kamu menanam rumput, padi tidak akan ikut tumbuh.*”

Peribahasa ini membawa maksud, padi itu ibarat akhirat dan rumput adalah segala perihal dunia, seperti harta, kuasa, kedudukan, dan sebagainya.